

Teks Ucapan
Awang Haji Metusin Haji Jais
Ketua LNCP
Pejabat Setiausaha Tetap, Kementerian pendidikan
selaku Pengerusi Program Induksi bagi Guru Tempatan
Berkontrak
Kohot 2, 28 Januari

Bismillahir-rahmanir-rahim

AlhamdulillahRabbil'Aalameen, WasalatuWassalamu
'AlaaAsyrafilAnbiyae' WalMursaleen, Sayyidina Muhamaddin
Wa'AlaaAalalihieWasahbihie Ajma'een.

RabbiSrahli Shadri, WayasSirlil Amrii, Wahlul
UkhdatamMinLisani,YapkahuKauli.

Yang Mulia Tetamu Kehormat,
Awang Aliuddin bin Haji Abd Rahman
Timbalan Setiausaha Tetap Pendidikan Teras

Yang Mulia
Ketua Pengarah Pendidikan; Pengarah-Pengarah dan Pegawai
Pegawai Kanan Kementerian Pendidikan, Para Jemputan khas,
Para Pemudahcara,
Guru Guru
Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabbarkatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera

ALHAMDULILLAH, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua kita dapat hadir di Majlis program Induksi bagi Guru Tempatan berkontrak kohot ke 2 bagi projek pengambilan graduan tempatan sebagai guru Bahasa inggeris dan matematik, tahun 2019

Terlebih dahulu, sukacita diucapkan terima kasih kepada tetamu kehormat majlis, Yang Mulia,

Awang Aliuddin bin Haji Abd Rahman

Timbalan Setiausaha Tetap Pendidikan Teras Kementerian
Pendidikan

kerana sudi meluangkan masa hadir dan seterusnya berkesudian meresmikan program induksi ini serta memberikan ucapan pada petang ini.

Para hadirin dan hadirat yang dihormati

Projek pengambilan graduan tempatan sebagai guru Bahasa inggeris dan matematik telahpun memasuki pengambilan kohot kedua.

Pada tahun 2019 ini, seramai 104 orang guru tempatan berkontrak terdiri dari 54 guru Bahasa Inggeris dan 50 guru Matematik telah pun berjaya melalui proses pengambilan yang "rigorous" dan komprehensif.

Proses pengambilan guru berkontrak ini telah melalui 4 fasa

- a. pendaftaran secara atas talian
- b. penapisan kelayakan akademik yang bersesuaian,
- c. mengikuti Micro teaching Boot camp dan

d. akhir sekali proses interbiu.

Alhamdulillah dan tahniah kepada kesemua 104 guru tempatan berkontrak yang telah terpilih. Guru-guru ini akan menjalani program induksi selama 5 hari bermula hari ini sebelum mereka ditempatkan di sekolah sekolah kerajaan samada sekolah menengah atau sekolah rendah. Antara tujuan program induksi ini diadakan termasuklah

1. Untuk memberikan gambaran dan pengetahuan kepada guru-guru sekalian mengenai aspirasi, inisiatif dan program-program yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan.
2. Untuk memberikan sokongan dan bantuan kepada Guru-Guru Baru (Guru Tempatan Berkontrak) berhubung Tugas dan Tanggungjawab serta Ekspektasi tugas dan tanggungjawab sebagai tenaga pengajar (Pendidik) di sekolah dan dalam bilik darjah.

Adalah diharapkan guru-guru yang mengikuti program induksi ini akan dapat mengambil peluang yang diberikan ini untuk mengetahui dan mendalami tugas dan tanggungjawab sebagai seorang pendidik. Tugas sebagai seorang pendidik bukan hanya didalam bilik darjah sahaja tetapi merangkumi tugas yang mendokong perkembangan akademik dan juga aktiviti diluar bilik darjah. Gunakanlah kesempatan program induksi ini untuk bertukar-tukar fikiran dan pendapat dengan pemudahcara yang mempunyai pengalaman dalam bidang pendidikan, libatkanlah diri secara proactive dan interaktif untuk mengetahui secara mendalam tentang 'life as a teacher'.

Pengetahuan yang diperolehi dalam program induksi ini diharap akan menjadi asas bagi guru-guru untuk mengembangkan potensi dalam bidang pendidikan dan akan dapat sama-sama membantu

Kementerian Pendidikan dalam usahanya untuk melahirkan generasi yang berpendidikan selaras dengan Wawasan Negara 2035.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi diucapkan terima kasih kepada Yang Mulia Tetamu Kehormat kerana berkesudian hadir pada petang ini.

Tidak lupa juga diucapkan terima kasih kepada para jemputan yang dapat sama sama memeriahkan lagi majlis pada petang ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pemudahcara yang bersedia untuk mengongsikan pengalaman masing-masing dalam program induksi ini.

Sekian, Wabillallahit Taufeq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.